

## Bentuk-bentuk Lakuan Rujukan Tun Dr. Mahathir dalam Isu 1MDB

### *Tun Dr. Mahathir's Speech Act Of Reference in 1MDB Issue*

Abd Ganing Laengkang<sup>1</sup>, Ab Razak Ab Karim<sup>2</sup>, Rohaidah Haron<sup>3</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
25 OKT 2019	20 JAN 2020	06 FEB 2020

#### **Abstrak**

*Lakuan rujukan ialah ujaran atau tulisan yang menunjukkan penutur atau penulis menyatakan sumber rujukan yang jelas dalam sesuatu pernyataan. Istilah lakuan rujukan ini dibina berdasarkan pandangan J.L Austin (1962) dan H.P Grice (1975). Austin melihat setiap ujaran mengandungi lakuan manakala H.P Grice pula menyatakan ujaran berkualiti ialah ujaran yang mempunyai dalil yang kukuh. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti bentuk-bentuk lakuan rujukan terhadap artikel blog chedet.cc oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sebanyak 40 artikel berkaitan 1MDB dipilih untuk dianalisis. Artikel ini diterbitkan antara tahun 2014 hingga 2018. Kerangka teori kajian ini menggunakan kerangka konsep Maksim Grice (1975) yang kemudiannya diperincikan oleh Noriati Ab Rashid (2015), iaitu Kategori Rujukan Sumber. Namun demikian, kajian ini mengemas kini kerangka tersebut dengan mengemukakan dua jenis lakuan rujukan, iaitu lakuan rujukan khusus dan lakuan rujukan umum. Lakuan rujukan khusus ialah ujaran yang menyatakan secara jelas sumber rujukan yang digunakan, manakala lakuan rujukan umum ialah ujaran yang menyatakan secara umum tanpa menyebut secara khusus sumber yang dirujuk. Berdasarkan analisis, jumlah keseluruhan kekerapan ujaran lakuan rujukan adalah sebanyak 215. Daripada jumlah tersebut, analisis mendapati bentuk rujukan khusus mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 144 kali (67%) manakala rujukan umum pula hanya mencatatkan kekerapan sebanyak 71 (33%). Kajian ini merumuskan bahawa penyampaian maklumat atau pendedahan maklumat oleh Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB mengutamakan sumber rujukan khusus berbanding bentuk rujukan umum. Hal ini turut menggambarkan sikap bahawa Tun Dr. Mahathir cenderung menyatakan rujukan dengan jelas, tepat dan boleh dipertanggungjawabkan.*

**Kata kunci:** lakuan bahasa rujukan, Tun Dr. Mahathir, artikel chedet.cc, kritikan dan 1MDB.

#### **Abstract**

*Speech act of reference is a utterance or written text that indicates the speaker or author mentioning a clear reference source in a statement. The terms of speech act reference are based on the views of J.L Austin (1962) and H.P Grice (1975). Austin sees every utterance containing an action (doing something), while H.P Grice states that the quality of speech is a speech that has strong arguments. Therefore, this study was conducted to examine the forms*

<sup>1</sup> Pensyarah di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. E-mel: [abdulganing@kuis.edu.my](mailto:abdulganing@kuis.edu.my).

<sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: [abrazak@um.edu.my](mailto:abrazak@um.edu.my).

<sup>3</sup> Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Mel-e: [eyda1826@um.edu.my](mailto:eyda1826@um.edu.my)

*of reference in the article written by Tun Dr. Mahathir Mohamad published in blog chedet.cc. A total of 40 articles related to IMDB were selected for analysis. This article was published between 2014 and 2018. The framework of this study was based on Grice's Maxim (1975) which was later described by Noriati Ab Rashid (2015), the Source Reference Category. However, this research modified the framework by presenting two types speech act of references, namely the speech act of specific references and general reference. Speech act of specific reference is utterance that clearly states the source of references, while speech act general reference is the utterance that makes statement without mentioning the name the sources specifically. Based on the analysis, the total frequencies of references are 215. Out of these number, the analysis found that the speech act of specific reference recorded the highest frequency, with the frequencies of 144 times (67%) while the general reference only recorded 71 (33%). This study concludes that the articles of Tun Dr. Mahathir Tun Dr. Mahathir prioritizes a specific reference source rather than a general reference form in criticizing the management of IMDB. It also illustrates the attitude that Tun Dr. Mahathir tends to make the reference clear, accurate and accountable.*

**Keywords:** *Speech act of reference, Tun Dr. Mahathir, chedet.cc article, criticism, and IMDB.*

## **Pengenalan**

Penyampaian maklumat tanpa sumber yang jelas dalam komunikasi boleh menimbulkan pelbagai masalah, termasuklah masalah fitnah. Fitnah boleh menyebabkan permusuhan yang melibatkan kematian dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, penyampaian dan penyebaran maklumat hendaklah berdasarkan sumber-sumber yang jelas bagi mengelakkan permusuhan. Dalam ilmu bahasa, aspek pernyataan sumber rujukan menjadi penanda kebenaran sesuatu maklumat. Selain itu, sumber rujukan yang jelas menjadi kriteria utama dalam konsep kesantunan berbahasa. Dengan perkataan lain, konsep kesantunan berbahasa menitikberatkan maklumat-maklumat yang mempunyai sumber rujukan yang jelas agar apa yang disampaikan dapat dipertanggungjawabkan.

Kajian terhadap bentuk-bentuk lakuan rujukan dalam komunikasi amat penting bagi melihat bagaimana seorang penutur menyampaikan maklumat. Dengan perkataan lain, kajian ini juga penting untuk melihat tahap kebolehpercayaan sesuatu maklumat yang disampaikan oleh penutur atau penulis. Dalam konteks kritikan terhadap sesuatu isu, pengkritik perlu menyatakan fakta-fakta, premis dan hujahan berdasarkan sumber-sumber yang jelas agar setiap ujaran yang dihasilkan mempunyai nilai kebenaran yang tinggi. Keupayaan seseorang menyampaikan fakta dan hujahan dengan sumber rujukan yang jelas juga menunjukkan tahap pengetahuan, kekritisian, dan keintelektualan seseorang. Oleh sebab itu, kajian terhadap bentuk-bentuk lakuan rujukan amat penting.

## **Kajian Literatur**

Kajian tentang sumber rujukan dalam menyampaikan maklumat tidak menjadi perhatian para penyelidik, khususnya penyelidikan dalam bidang bahasa. Kajian ini tidak menemui kajian tentang sumber rujukan dari sudut bahasa di luar negara. Setakat ini, terdapat dua kajian terhadap sumber rujukan sebagai ciri kesantunan bahasa, iaitu Noriati Ab. Rashid (2005) dan Abd Ganing (2015, 2010). Secara umumnya, kedua-dua kajian ini mengambil kira kerangka teori yang diperkenalkan oleh H.P Grice. Dalam kajian bahasa, H.P Grice (1975) telah menyediakan kerangka konsep asas dalam penyampaian maklumat yang berkualiti. Menurut

beliau, dalam penyampaian maklumat yang berkualiti, seseorang penutur hendaklah tidak menyampaikan maklumat yang dirasakan tidak betul dan tidak ada dalil atau bukti yang kukuh. Konsep ini dijadikan kerangka konsep kajian.

Abd Ganing Laengkang (2010) menerima pakai kategori rujukan sumber yang telah diperincikan oleh Noriati Abd Rashid, melalui kajian beliau *Kesantunan Bahasa dalam Ceramah Motivasi*. Namun demikian, Abd Ganing (2010, p. 85) hanya mendapati tiga strategi rujukan dalam ceramah motivasi, iaitu *strategi rujukan Islam dan Rasul* (al-Quran dan Hadis), *strategi rujukan penceramah*, dan *strategi rujukan kajian*. Noriati Ab. Rashid pula mengenal pasti enam sumber rujukan, iaitu *rujukan individu dan keluarga*, *rujukan adat*, *rujukan masa*, *negeri*, *maklumat lama dan rujukan Islam dan rasul*. Menurut Abd Ganing, strategi rujukan Islam dan rasul menekankan al-Quran dan hadis, termasuklah hukum-hukum dalam Islam. Beliau memetik pandangan Noriati (2005, p. 187) yang mengatakan bahawa strategi ini menjadikan ujaran tersebut susah untuk dipertikaikan dan merupakan cara yang santun untuk menguasai pendengar agar bersetuju. Strategi *rujukan hasil kajian* pula bermaksud ungkapan-ungkapan yang menunjukkan kajian telah dilakukan ilmiah. Dengan perkataan lain, sumber daripada kajian ilmiah menjadikan maklumat tersebut berkualiti dan selari dengan konsep kesantunan bahasa. Selain itu, penceramah dijadikan sebagai satu sumber rujukan yang benar. Hal ini kerana kajian Abd Ganing menjadikan Mohamad Fadzilah Kamsah sebagai data, dan beliau banyak melakukan kajian ilmiah. Selain itu, beliau juga diiktiraf sebagai pakar motivasi Malaysia. Oleh itu, hasil kajian Mohd Fadzilah Kamsah dijadikan sumber rujukan yang benar dan selari dengan konsep kesantunan berbahasa.

Dari segi dapatan kajian, Noriati (2005, p. 181-182) memperlihatkan kekerapan penggunaan rujukan sumber yang ditemui dalam majlis pertunangan orang Melayu. Dalam majlis pertunangan orang Melayu, Noriati mendapati bahawa kategori rujukan sumber berada di tempat ketiga daripada lapan kategori kesantunan, dengan jumlah kekerapan sebanyak 413 ujaran. Hal ini menunjukkan bahawa ujaran rujukan sumber amat dominan dalam majlis pertunangan orang Melayu. Dari jumlah tersebut, rujukan individu dan keluarga menjadi rujukan utama, dengan kekerapan sebanyak 138 (33.41%), kemudian diikuti oleh rujukan adat yang mencatatkan kekerapan 73 (17.67%). Rujukan masa pula menunjukkan kekerapan sebanyak 66 (16.71%), manakala rujukan negeri dan tempat adalah sebanyak 60 (14.53%). Rujukan maklumat lama pula sebanyak 51 (12.35%) dan rujukan terendah pula ialah rujukan Allah, Rasul dan Islam yang hanya mencatatkan kekerapan sebanyak 22 (5.33%). Secara keseluruhannya, kajian rujukan sumber amat penting dalam melihat bagai mana seseorang menyampaikan maklumat.

Kajian Abd Ganing menunjukkan kategori rujukan mencatatkan kedudukan ketiga tertinggi berbanding daripada tujuh kategori kesantunan dalam ceramah motivasi. Dalam ceramah motivasi, sebanyak 48 unit ujaran menggunakan lakuan rujukan. Daripada jumlah tersebut, sumber Rujukan Islam dan Rasul mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 34 atau 70.8%. Strategi rujukan penceramah dan strategi rujukan kajian masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak 10 (20%) dan 4 (8.3%). Hal ini menunjukkan bahawa ceramah motivasi lebih cenderung menggunakan rujukan Islam dan sunnah sebagai sumber rujukan. Hal ini juga sekali gus menggambarkan nilai Islam yang tinggi dalam ceramah. Hal ini berbeza dengan kekerapan rujukan dalam majlis pertunangan orang Melayu, yang mengutamakan rujukan individu dan keluarga sebagai sumber utama.

## Persoalan Kajian

Tun Dr. Mahathir melakukan kritikan berterusan terhadap pengurusan 1MDB. Hal ini dapat dilihat melalui penulisan artikel dalam blog *chedet.cc*, bermula pada September 2014 hingga Mei 2018. Dalam tempoh ini, sebanyak 180 artikel berkaitan dengan isu pengurusan 1MDB. Persoalan yang ditimbulkan dalam kajian ini ialah apakah bentuk sumber rujukan yang digunakan oleh Tun Dr. Mahathir dalam kritikan tersebut. Sumber rujukan yang digunakan oleh Tun Dr. Mahathir dapat menggambarkan tahap kredibiliti kritikan tersebut.

## Tujuan Kajian

- i. Mengenal pasti bentuk-bentuk sumber rujukan Tun Dr. Mahathir dalam penulisan artikel kritikan terhadap 1MDB.
- ii. Menganalisis kekerapan bentuk-bentuk rujukan Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB

## Data Kajian

Kaedah kajian ini bersifat analisis kandungan terhadap artikel yang ditulis dalam blog *chedet.cc*. Blog ini mula dibangunkan pada 2008 oleh pembangun blog melalui arahan Tun Dr. Mahathir. Namun demikian, artikel tentang 1MDB yang dikaitkan dengan kepimpinan Dato Seri Mohd Najib sebagai Perdana Menteri Malaysia bermula pada 2014 hingga Mei 2018. Kajian ini hanya menganalisis 40 artikel daripada 180 artikel tentang 1MDB. Tinjauan juga mendapati terdapat tiga versi artikel, iaitu (i) artikel berbahasa Melayu sahaja, (ii) artikel berbahasa Melayu dan diikuti terjemahan bahasa Inggeris, dan (iii) artikel berbahasa Inggeris sahaja. Namun demikian, kajian ini hanya menganalisis artikel berbahasa Melayu sahaja. Dari segi kekerapan pelawat blog *chedet.cc*, jumlah bagi Ogos 2017 adalah sebanyak 26.7 juta, April 2018 adalah 28.75 juta, manakala Ogos 2018 adalah sebanyak 29.65 juta pelawat. Jumlah lawatan ini menunjukkan bahawa artikel Tun Dr. Mahathir mendapat perhatian yang tinggi oleh masyarakat.

## Penulisan Artikel dalam Blog *Chedet.cc* sebagai satu kritikan

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007, p. 830) mendefinisikan *kritik* sebagai analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera dan sebagainya. Istilah ini juga disinonimkan dengan perkataan *teguran keras*, *kecaman* dan *bidasan*. Selain itu, kamus tersebut mengaitkan istilah kritikan dengan perbuatan mencela, mengecam dan membidas keburukan dan kelemahan seseorang. Berdasarkan penulisan blog tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak mengkritik (mengecam, membidas dan mencela) sistem pengurusan 1MDB. Kajian ini menerima pakai istilah *complaint* sebagai sepadan dengan konsep kritikan, seperti yang dikemukakan oleh Schaeffer (1982), yang kemudiannya digunakan oleh Marlyna Maros (2007). Menurut Schaeffer *complaint* merupakan satu tindakan *membandingkan apa yang terjadi dan apa yang sepatutnya terjadi*. Kemudian, kritikan itu terjadi *atas kesedaran tentang hak yang ada pada seseorang*. Berikut ialah ujaran yang menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir mengkritik dan kritikan itu dilakukan atas kesedaran tentang hak untuk mengkritik.

1. Oleh itu, saya akan terus meminta Najib untuk meletakkan jawatan, tidak mempercayai beliau tentang bagaimana beliau mendapat 2.6 bilion Ringgit, **mengkritik pinjaman yang diambil oleh 1MDB** dan kerugian yang ditanggung olehnya. (A18:P21:U4)

2. Sekarang mereka **mengatakan pengkritik Perdana Menteri** perlu meminta maaf. Meminta maaf untuk apa? Hakikatnya sejumlah besar wang telah hilang... (A8:P1:U4)

Ujaran berikut pula berkaitan dengan kesedaran Tun Dr. Mahathir tentang hak untuk mengkritik.

1. ***Ini adalah hak saya*** sebagai seorang warganegara. Untuk menafi saya hak-hak ini adalah sesuatu yang tidak demokratik.

Berdasarkan ujaran-ujaran di atas, kajian ini merumuskan bahawa penulisan artikel Tun Dr. Mahathir dalam blog chedet.cc ialah penulisan yang bertujuan untuk membuat penilaian – menjurus kepada kritikan dan penilaian negatif.

### **Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Penulisan Artikel**

Menurut Austin (1962, p. 67), lakuan performatif merupakan kata kerja yang menandakan sesuatu tindakan sedang dilakukan (doing something). Selain itu, terdapat tiga syarat wujudnya lakuan bahasa ialah (i) ujaran mestilah orang pertama (ii) ia diujarkan dalam sistem kala kini (present tense), dan (iii) ayat aktif. Dalam konteks ini, sesuatu lakuan lebih cenderung kepada situ perbualan. Istilah *utterance* yang digunakan oleh Austin (1962, p.67) dalam pernyataan *if issuing the utterance is doing something*, menunjukkan lakuan hanya berlaku dalam perbualan. Namun demikian, Austin dan Searle sendiri telah menyebut bahawa teks bertulis juga boleh mengandungi lakuan performatif. Austin (1962:8) menyatakan bahawa performatif boleh berlaku dalam sama ada bentuk lisan atau tulisan. Searle (1979:58) pula percaya bahawa pertuturan dan tulisan mengandungi tindakan yang dikenali sebagai lakuan ilokusi.

Kedua-dua pengasas lakuan bahasa ini telah menunjukkan bahawa lakuan bahasa tidak terhad kepada pertuturan. Di sini, kajian ini menyenaraikan sarjana yang menggunakan teks sebagai data kajian lakuan bahasa, antaranya ialah Pratt Mary Louise (1975) melalui tesis Doktor falsafah yang bertajuk *Toward a Speech Act Theory of Literary Discourse* dan Manabe Takashi (1984) pula menghasilkan Tesis Doktor Falsafah yang bertajuk *Speech Act Theory Based interpretation For Written Text*. Kemudian diikuti oleh Gabriel Piterberg (1993) yang turut meneliti karya bertulis abad ke-17 pada peringkat Doktor Falsafah. Sebahagian daripada tesis tersebut diterbitkan dalam bentuk jurnal yang bertajuk *Speech Acts and Written Texts: A Reading of a Seventeenth-Century Ottoman Historiographic Episode*. Selain itu, terdapat juga kajian lakuan bahasa dalam bentuk jurnal menggunakan teks sebagai data kajian. Antara sarjananya ialah Lorenzo Fiorito (2006), Marc Lloyd (April 2007) Eugene Botha (2007), Jacqueline Visconti (2009), dan Marrienne Constable (2011).

Menurut Lorenzo (2006, p. 106), dokumen teks undang-undang boleh dikategorikan berdasarkan lakuan bahasa. Contohnya, surat tawaran lebih cenderung kepada lakuan komisif, sijil dan diploma lebih kepada lakuan pengisytiharan, risalah maklumat cenderung kepada representatif, manakala surat perintah lebih bersifat lakuan arahan, dan sebagainya. Oleh itu, dalam konteks lakuan bahasa, Lorenzo mengaitkan keadaan ini dengan pernyataan Austin sebagai *written performative*. Berdasarkan penerangan tersebut, maka kajian ini menjadikan penulisan artikel Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB termasuk dalam kerangka analisis lakuan bahasa.

## Konsep dan Kerangka Teoretis

H.P Grice (1975) menekankan kebenaran sesuatu maklumat bagi mencapai konsep kesantunan berbahasa. Grice memperkenalkan empat maksim utama dalam kerangka konsep kesantunan berbahasa. Dalam konteks ini, maksim kualiti menekankan aspek sumber rujukan. Menurut Grice, konsep *maksim kualiti* ialah maklumat yang disampaikan hendaklah berkualiti dan benar. Konsep ini diperincikan lagi bahawa, dalam penyampaian maklumat yang benar, penutur hendaklah tidak menyebut sesuatu yang dirasakan tidak betul, dan tidak menyebut sesuatu yang tidak mempunyai dalil atau bukti yang cukup. Noriati Ab. Rashid (2005) pula memperincikan enam jenis sumber rujukan sebagai strategi untuk mencapai konsep kesantunan berbahasa. Enam strategi yang dimaksudkan ialah rujukan individu dan keluarga, rujukan adat, rujukan masa, negeri, maklumat lama dan Islam. Oleh sebab data yang berlainan, maka kajian ini menerima kerangka konsep bagi kedua-dua sarjan tersebut. Namun demikian, kajian mengemas kini perincian dan penjenisan bentuk-bentuk rujukan untuk disesuaikan dengan data kajian.

Sumber rujukan ini berfungsi untuk menyokong kebenaran sesuatu pernyataan, hujahan atau bidasan. Oleh itu, kajian ini mewujudkan analisis sumber rujukan sebagai salah satu aspek penting dalam kritikan Tun Dr. Mahathir terhadap 1MDB. Sumber rujukan ini dilihat sebagai satu bentuk tindakan memetik sumber-sumber untuk dijadikan sandaran dalam menyatakan sesuatu fakta. Istilah lakuan rujukan ini juga digunakan berdasarkan konsep lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Austin (1962), yang mengatakan bahawa setiap ujaran yang dihasilkan mengandungi tindakan. Contoh berikut menunjukkan pernyataan dengan dan tanpa sumber rujukan.

1. Perbuatan mencuri adalah haram.
2. Ekonomi negara akan pulih tahun hadapan.
3. **Dalam Islam**, perbuatan mencuri adalah haram.
4. **Pakar ekonomi** meramalkan bahawa ekonomi negara akan pulih tahun hadapan.
5. **Akhbar Sinar Harian** melaporkan bahawa kemalangan teruk telah berlaku di Kuala Lumpur pagi tadi.

Ujaran dalam contoh 1 dan 2 di atas menunjukkan pernyataan tanpa rujukan. Kedua-dua contoh ini tidak menunjukkan penanda rujukan. Ujaran dalam contoh 3 hingga 5 pula menunjukkan sumber rujukan kerana terdapat penanda rujukan, iaitu *dalam Islam*, *pakar ekonomi meramalkan*, *Akhbar Sinar Harian melaporkan*. Oleh itu, ketika ujaran dilakukan, penutur telah memetik atau telah merujuk *Akhbar Sinar Harian*. Dalam konteks ini, penanda rujukan diikuti oleh penyampaian maklumat. Dalam contoh 3, ujaran *perbuatan mencuri adalah haram* akan mempunyai nilai yang lebih tinggi kerana ia disandarkan pada rujukan Islam. Dalam contoh 4, penyampaian fakta *ekonomi negara akan pulih tahun hadapan* akan lebih dipertanggungjawabkan kerana bersandarkan sumber daripada pakar ekonomi. Demikian juga dengan contoh 5, laporan tentang kemalangan mempunyai nilai kebenaran kerana bersandarkan pada akhbar Sinar Harian.

Analisis rujukan telah diaplikasikan oleh Noriati Ab Rashid (2005) sebagai salah satu unsur kesantunan berbahasa dalam majlis pertunangan orang Melayu. Noriati menggunakan istilah *Kategori Rujukan Sumber* yang terdiri enam strategi kesantunan, iaitu strategi rujukan individu dan keluarga, strategi rujukan adat, strategi rujukan masa, strategi rujukan negeri, strategi rujukan maklumat lama, dan strategi rujukan Islam. Keenam-enam strategi tersebut

memberikan gambaran bahawa sesuatu maklumat yang disampaikan mengandungi nilai kesantunan, dan ia selari dengan konsep maksim kualiti oleh H.P Grice. Tindakan memetik dan merujuk inilah dijadikan asas bahawa ujaran tersebut sebagai penanda rujukan. Dalam kajian ini, lakuan sumber rujukan dipecahkan kepada dua lakuan, dan setiap lakuan rujukan mempunyai sublakuan masing-masing. Hal ini dapat digambarkan melalui jadual berikut:

**Jadual 1: Dua Jenis Lakuan Rujukan**

Lakuan Rujukan Khusus	Lakuan Rujukan Umum
Institusi	Berita
Syarikat	Dakwaan
Akhbar	Kelaziman
Perkara	Awam
Individu	

### Lakuan Rujukan Umum

Lakuan rujukan umum pula ialah lakuan rujukan tanpa menyebut secara khusus sumber maklumat tersebut. Dengan perkataan lain, sumber maklumat yang disampaikan tidak dinyatakan secara jelas daripada siapa atau daripada institusi mana maklumat itu diperoleh. Walaupun lakuan ini tidak menyatakan secara jelas tentang sumber maklumat yang diperoleh, lakuan tersebut masih boleh dipertanggungjawabkan. Tidak ada penanda linguistik khusus untuk menggambarkan lakuan ini. Contohnya adalah seperti berikut:

1. *Ada orang* memberi tahu saya bahawa Ahmad telah mencuri buku saya.
2. *Menurut pakar ekonomi*, ekonomi negara kita akan pulih tahun hadapan.
3. *Sebuah akhbar tempatan* melaporkan bahawa rompakan itu dikaitkan dengan kumpulan pengganas.

Ketiga-tiga ujaran di atas menunjukkan lakuan rujukan umum kerana tidak menyebut secara jelas sumber rujukannya. Penanda linguistik lakuan rujukan bagi ketiga-tiga ujaran di atas ialah *ada orang memberi tahu saya*, *menurut pakar ekonomi*, dan *sebuah akhbar tempatan melaporkan*. Rujukan umum ini boleh bersumberkan individu, institusi atau persatuan tertentu. Dalam contoh 1, frasa *ada orang* merupakan penanda rujukan umum kerana tidak menyebut kata nama khas orang tersebut. Frasa *menurut pakar ekonomi* dalam contoh 2 juga merupakan lakuan rujukan umum kerana tidak menyebut siapa pakar ekonomi tersebut. Contoh 3 juga tidak menyebut secara khusus akhbar yang membuat laporan tentang rompakan tersebut dan oleh itu ia dikategorikan sebagai lakuan rujukan umum.

### Lakuan Rujukan Khusus

Lakuan rujukan khusus ialah lakuan yang menunjukkan penutur merujuk individu atau institusi secara khusus ketika mengujarkan sesuatu. Ketika rujukan khusus diujarkan, penutur dengan jelas menyebut butiran penting, seperti nama khas seseorang sama ada seorang tokoh atau orang biasa. Selain itu, itu rujukan khusus ini juga merangkumi jawatan seseorang atau institusi tertentu, sama ada kerajaan atau bukan kerajaan. Agama juga menjadi rujukan khusus sekiranya ia disebut dengan jelas.

1. **Dalam ajaran Islam**, perbuatan mencuri adalah haram.

2. **Menurut A. Samad Said**, sajak dapat menenangkan jiwa.
3. **Akhbar Sinar Harian** melaporkan bahawa rompakkan itu dikaitkan dengan kumpulan penganas.
4. **Universiti Malaya** mengatakan bahawa rangking 100 terbaik dunia disebabkan oleh penerbitan ilmiah yang banyak.
5. **Pengarah Syarikat Maju Jaya**, Ahmad bin Azman mengatakan bahawa syarikat beliau telah membayar cukai kepada kerajaan setiap tahun.

Lima ujaran di atas menunjukkan lakuan rujukan khusus kerana kelima-lima ujaran tersebut menyebut dengan jelas sumber maklumat yang diperoleh. Ujaran dalam contoh 1 menunjukkan penutur melakukan rujukan terhadap agama Islam sebelum membuat pernyataan bahawa mencuri adalah perbuatan haram. Ujaran dalam contoh 2 pula menunjukkan penutur melakukan rujukan terhadap seorang sasterawan negara, iaitu A. Samad Said untuk membuat pernyataan bahawa sajak dapat menenangkan fikiran. Ujaran dalam contoh 3 pula menunjukkan lakuan rujukan khusus terhadap sebuah akhbar. Nama akhbar tersebut disebut dengan jelas, iaitu *Akhbar Sinar Harian* kemudian menyampaikan maklumat daripada akhbar tersebut. Ujaran dalam contoh 4 dan 5 masing-masing menunjukkan rujukan institusi dan sebuah syarikat secara jelas. Contoh 4 menunjukkan lakuan rujukan institusi pendidikan, iaitu Universiti Malaya, manakala contoh 5 pula menunjukkan rujukan terhadap seorang pengarah syarikat, iaitu Ahmad bin Azman. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahasa lakuan rujukan khusus merujuk kepada lakuan rujukan yang menyebut secara jelas sumber-sumber maklumat, dan ia boleh merangkumi individu atau institusi. Lakuan rujukan khusus ini mempunyai nilai kebertanggungjawaban yang tinggi berbanding dengan lakuan rujukan umum.

### Analisis dan dapatan Kajian

Sumber Rujukan berfungsi sebagai bukti bagi sesuatu pernyataan. Pernyataan tanpa rujukan akan menimbulkan keraguan terhadap sesuatu fakta. Oleh itu, rujukan sangat penting bagi menyokong dan mengukuhkan kebenaran sesuatu maklumat atau fakta. Berdasarkan analisis data, kajian ini mendapati tiga jenis lakuan rujukan, iaitu lakuan rujukan umum, rujukan khusus, dan rujukan masa.

**Jadual 2 : Hasil Analisis Dua Lakuan Rujukan**

No	Lakuan Rujukan	Jumlah	Peratus
1	Rujukan khusus	144	67%
2	Rujukan umum	71	33%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>215</b>	<b>100.00%</b>

Berdasarkan Jadual 2 di atas, hasil kajian mendapati bentuk lakuan rujukan, iaitu rujukan khusus, rujukan umum, dan rujukan masa. Jumlah kekerapan penggunaan lakuan rujukan adalah sebanyak 297. Daripada jumlah tersebut, analisis mendapati lakuan rujukan khusus mencapai kekerapan tertinggi, iaitu 144 (48.5%), diikuti oleh lakuan rujukan masa dengan jumlah kekerapan sebanyak 82 atau bersamaan dengan 27.5%. Lakuan rujukan umum pula hanya mencapai kekerapan sebanyak 71 (24%). Hasil kajian memperlihatkan bahawa Tun Dr. Mahathir lebih cenderung menggunakan rujukan khusus berbanding rujukan umum. Rujukan khusus merupakan lakuan yang menyebut secara tepat sumber sesuatu maklumat dan hal ini menggambarkan bahawa sikap penulis blog menekankan sumber yang jelas. Tun Dr. Mahathir juga tidak mengabaikan aspek masa sebagai satu bentuk rujukan. Pernyataan

rujukan masa amat penting kerana ia berfungsi sebagai penanda garis masa bagi sesuatu peristiwa. Dalam isu 1MDB, pengurusan sesebuah syarikat, khususnya yang melibatkan perniagaan, penulisan masa amat penting kerana ia menerangkan proses peristiwa secara tepat.

### Lakuan Rujukan Khusus

Lakuan rujukan khusus ialah lakuan yang menyatakan sumber-sumber rujukan secara jelas. Dalam kajian ini, analisis mendapati lima jenis rujukan khusus yang menjadi sumber penulisan maklumat oleh Tun Dr. Mahathir. Lima jenis rujukan khusus tersebut ialah rujukan 1MDB, Institusi, Akhbar, Perkara, dan Individu. Jadual berikut ialah hasil analisis lima lakuan rujukan khusus.

**Jadual 3: Hasil Analisis Lima Jenis Lakuan Rujukan Khusus**

No	Lakuan Rujukan Khusus	Jumlah	Peratus
1	Institusi	55	38.5%
2	1MDB	53	37.0%
3	Perkara	13	09.0%
4	Individu	12	08.5%
5	Akhbar	10	07.0%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>143</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan Jadual 3 di atas, analisis mendapati jumlah keseluruhan lakuan rujukan khusus adalah sebanyak 143 kali. Daripada jumlah ini, lakuan rujukan khusus institusi memperlihatkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 55 kali, dan diikuti oleh sumber 1MDB dengan jumlah kekerapan sebanyak 53 atau 37%. Rujukan khusus perkara pula mencatatkan bilangan ketiga tertinggi, iaitu 13 kali. Lakuan rujukan khusus individu dan akhbar pula masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak 12 dan 10. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa Tun Dr. Mahathir menggunakan sumber-sumber yang boleh dipertanggungjawabkan. Huraian berikut ialah perincian setiap jenis lakuan rujukan khusus berserta dengan contoh dan fungsinya.

### Lakuan Rujukan Khusus Institusi

Lakuan rujukan khusus institusi ini bermaksud Tun Dr. Mahathir memetik maklumat-maklumat daripada institusi yang merangkumi institusi perbankan, kewangan, badan-badan pertubuhan kerajaan, institusi syarikat dan sebagainya. Berdasarkan analisis data, kajian ini mendapati Tun Dr. Mahathir menggunakan pelbagai institusi dalam dan luar negara sebagai sumber maklumat. Antaranya ialah pihak perbankan Switzerland, pihak berkuasa Singapura, pihak berkuasa Arab Saudi, pihak berkuasa Amerika Syarikat, peguam negara, ketua audit negara dan sebagainya. Analisis juga menunjukkan bahawa lakuan rujukan institusi mencatatkan kekerapan tertinggi dalam kalangan lakuan rujukan khusus, iaitu dengan catatan kekerapan sebanyak 38.5%. Senarai ujaran berikut ialah contoh lakuan rujukan institusi.

1. **Swiss Bank** berkata tiada wang yang telah didepositkan oleh 1MDB di bank itu. (A6:P11:U2)
2. **Peguam Negara Switzerland** mendakwa ianya bukan RM2.6 bilion tetapi RM4.0 bilion yang berada dalam akaun Najib. (A28:P16:U2)

3. **Pihak Berkuasa Kewangan Singapura** dengan terbuka menyatakan bahawa tidak ada 1MDB wang Malaysia masuk ke negara itu. (A10:P17:U1)
4. **Pihak berkuasa Saudi** telah pun mengisytiharkan bahawa tidak ada rekod yang menunjukkan bahawa Raja memberi apa-apa wang kepada Dato' Sri Najib. (A24:P11:U1)
5. **Peguam Negara** kemudiannya mendakwa bahawa USD681 juta sudah dikembalikan kepada Saudi pada tahun 2013. (28:P13:U1)

Berdasarkan contoh di atas, ujaran lakuan rujukan ditandai oleh penanda linguistik seperti *Swiss Bank berkata*, *Pihak Berkuasa Kewangan Singapura dengan terbuka menyatakan*, *Peguam Negara kemudiannya mendakwa*, *Pihak berkuasa Saudi telah pun mengisytiharkan*, dan *Peguam Negara Switzerland mendakwa*. Penggunaan rujukan ini menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir memetik pelbagai pernyataan maklumat daripada institusi penting dalam sebuah kerajaan. Ujaran dalam contoh 1 menunjukkan Tun Dr. Mahathir memetik maklumat daripada Bank Swiss, iaitu institusi kewangan di Switzerland. Maklumat yang diperolehi daripada institusi tersebut dijadikan sandaran untuk mengesahkan bahawa bank tersebut tidak menerima wang daripada 1MDB. Ujaran dalam contoh 2 pula memetik satu institusi penting negara Switzerland, iaitu Peguam Negara Switzerland. Ujaran dalam contoh 2 menunjukkan bahawa maklumat yang dipetik daripada satu badan institusi berintegriti.

Ujaran dalam contoh 3, Tun Dr. Mahathir memetik kenyataan pihak berkuasa kewangan Singapura. Ujaran dalam contoh 4, Tun Dr. Mahathir juga memetik maklumat daripada pihak berkuasa Arab Saudi. Maklumat dalam contoh 5 turut bersandarkan institusi penting di negara ini, iaitu Peguam Negara. Walaupun tidak menyebut nama negara atau nama Peguam Negara tersebut, namun demikian, konteks ujaran menunjukkan bahawa ia merujuk kepada Peguam Negara Malaysia, iaitu Tan Sri Apandi Ali. Berdasarkan analisis, lakuan rujukan khusus yang memperoleh kekerapan tertinggi, kajian ini merumuskan bahawa Tun Dr. Mahathir memetik sumber-sumber yang boleh dipertanggungjawabkan dan mempunyai integriti yang tinggi. Setiap penanda rujukan institusi di atas mengukuhkan kebenaran maklumat dalam penulisan artikel.

### Lakuan Rujukan Khusus 1MDB

Lakuan rujukan khusus 1MDB bermaksud pernyataan-pernyataan yang menunjukkan Tun Dr. Mahathir memetik maklumat daripada 1MDB. Dalam konteks ini, rujukan ini merangkumi pihak-pihak yang terlibat dengan 1MDB, seperti pernyataan Pengerusi 1MDB, Dato Seri Mohamad Najib Tun Razak, Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasmy, dan sebagainya. Analisis kajian mendapati lakuan rujukan khusus 1MDB berada di tempat kedua tertinggi dalam lakuan khusus, iaitu dengan catatan kekerapan sebanyak 53 atau 37.0%. Hal ini memperlihatkan Tun Dr. Mahathir memetik maklumat yang dikeluarkan oleh 1MDB sendiri. Senarai ujaran berikut merupakan contoh lakuan rujukan khusus 1MDB.

1. **Kemudian 1MDB** mengumumkan bahawa keseluruhan baki daripada wang dari Kepulauan Cayman telah diterima... (A10:P14:U2)
2. **Najib** perlu membuat penjelasan. **Beliau mendakwa** ianya adalah hadiah. (A28:P3:U6)
3. **Arul Kanda** berkata dia telah melihat wang tunai di sana dan ... (A6:P10:1)
4. **PM berkata** wang itu yang disimpan di suatu bank Singapura. (A10:P14:U6)
5. **Najib** mendakwa 2.6 bilion Ringgit itu telah didermakan kepadanya oleh seorang Arab. (A15:P24:U2).

Berdasarkan lima contoh di atas, terdapat beberapa penanda linguistik yang menandakan Tun Dr. Mahathir memetik maklumat daripada 1MDB. Antara penanda linguistik tersebut ialah *1MDB mengumumkan*, *Beliau mendakwa*, *Arul Kanda berkata*, *Perdana Menteri pun berkata*, *Najib mendakwa*, dan sebagainya. Ujaran dalam contoh 1 menunjukkan Tun Dr. Mahathir merujuk maklumat secara langsung daripada 1MDB. Ujaran dalam contoh 2 pula, kata ganti nama *beliau* digunakan bagi merujuk Dato Seri Mohamad Najib, Pengerusi 1MDB. Walaupun menggunakan kata ganti nama *beliau*, perkataan ini mempunyai tautan langsung dengan ujaran sebelumnya, iaitu *Najib perlu membuat penjelasan*. Lakuan dalam contoh 3 pula memperlihatkan Tun Dr. Mahathir memetik maklumat daripada Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, dan lakuan ini ditandai oleh *Arul Kanda berkata*. Contoh 4 dan contoh 5 pula oleh *PM berkata* dan *Najib mendakwa*. Kelima-lima contoh di atas menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir mendapatkan maklumat-maklumat daripada pihak pengurusan 1MDB. Oleh itu, maklumat yang disampaikan boleh dipertanggungjawabkan.

### Lakuan Rujukan Khusus Perkara

Lakuan rujukan khusus perkara bermaksud pernyataan-pernyataan maklumat berdasarkan perkara khusus. Perkara yang dimaksudkan adalah seperti peristiwa, peraturan, sistem atau kedudukan sesuatu secara khusus. Berdasarkan analisis, kajian ini mendapati lakuan rujukan khusus perkara mencatatkan kekerapan sebanyak 13 kali bersamaan dengan 9%. Kekerapan ini menjadikannya berada di tempat ketiga tertinggi dalam lakuan rujukan khusus. Ujaran-ujaran berikut menunjukkan lakuan rujukan khusus perkara.

1. **Dalam kes wang 1MDB** ... jawapan tertulis oleh Perdana Menteri kepada soalan Parlimen tidak menepati kebenaran sama sekali. (A5:P1:U3)
2. **Jikalau disemak perbelanjaan pilihan raya lima kali** yang diadakan semasa saya Presiden UMNO, tidak ada banyak wang yang diguna ... (A9:P13:U1)
3. **Dalam sistem undang-undang Malaysia** Peguam Negara menentukan sama ada sesuatu kes itu akan didengar di mahkamah atau tidak. (A10:38:U2)
4. **Dalam Memorandum Syarikat Seksyen 117** dinyatakan bahawa semua hal ehwal syarikat itu mesti diluluskan oleh Penasihat 1MDB ... (A30:P9:U2)

Berdasarkan analisis, contoh 1 menunjukkan Tun Dr. Mahathir membuat rujukan khusus terhadap kes 1MDB sebelum melakukan pernyataan maklumat. Penanda linguistik rujukan khusus perkara ditandai oleh *Dalam kes 1MDB*. Frasa *Dalam kes 1MDB* berfungsi sebagai rujukan kerana maklumat selepas frasa berkaitan dengan kes 1MDB. Dengan perkataan lain, maklumat *jawapan tertulis oleh Perdana Menteri kepada soalan Parlimen tidak menepati kebenaran sama sekali* adalah berkaitan dengan isu 1MDB. Konteks ujaran bagi contoh 2 ialah artikel tersebut membidas dakwaan bahawa beliau juga menggunakan wang derma politik dan dimasukkan ke dalam akaun peribadi. Oleh itu, beliau melakukan rujukan khusus, iaitu perkara tentang perbelanjaan sepanjang Tun Dr. Mahathir menjadi Presiden UMNO.

Ujaran contoh 3 dan contoh 4 ditandai oleh *Dalam sistem undang-undang Malaysia* dan *Dalam Memorandum Syarikat Seksyen 117*. Dalam contoh 3, Tun Dr. Mahathir membuat rujukan perkara dalam sistem undang-undang Malaysia, sebelum memberikan maklumat tentang peranan Peguam Negara. Contoh 4 pula memperlihatkan penggunaan rujukan perkara tentang peratusan syarikat, dengan merujuk terus Seksyen 117. Secara umumnya, sistem rujukan ini juga memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat. Hal ini kerana

penyampaian maklumat berdasarkan perkara khusus atau peristiwa khusus akan menjamin ketepatan maklumat.

### Lakuan Rujukan Khusus Individu

Individu turut dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menyampaikan maklumat. Nama individu tersebut dinyatakan dengan jelas. Selain itu, ujaran lakuan rujukan ini juga ditandai oleh kata ganti nama diri ketiga. Analisis mendapati, lakuan rujukan individu ini tidak banyak digunakan. Ia hanya mencatatkan kekerapan sebanyak 12 kali atau 8.5%. Catatan kekerapan ini menjadikan lakuan ini berada di tangga keempat. Ujaran berikut ialah contoh lakuan rujukan khusus individu.

1. Saya tertarik **dengan tulisan sahabat saya Saleh Said Keruak** berkenaan 1MDB. Beliau berpendapat 1MDB ialah untuk bantu ... (A1:P1:U1)
2. **Shahrir kini mendakwa** adalah wajar untuk menerima wang dari Presiden (A12:P6:U2)
3. **Nazir Razak sendiri mengaku** ia diberi US 7 juta oleh Najib untuk diagih kepada ketua-ketua parti sebelum PRU 13. (A26:P7:U7)

Ujaran dalam contoh 1 menunjukkan penggunaan kata ganti nama diri ketiga sebagai rujukan individu. Berdasarkan ujaran sebelumnya, kata *beliau* merujuk kepada Saleh Said Keruak. Konteks ujaran ialah Saleh Said Keruak telah menghasilkan artikel berkenaan dengan sumbangan 1MDB. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir membuat rujukan khusus individu untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Contoh 2 pula memperlihatkan lakuan rujukan individu yang bernama Shahrir. Walaupun tidak menyebut nama penuh atau nama sebenar, namun demikian konteks ujaran menunjukkan Shahrir merujuk kepada Shahrir Abdul Samad, seorang ahli parlimen dari Barisan Nasional. Konteks ujaran dalam contoh 2 ialah Shahrir Samad telah membuat pernyataan bahawa wajar menerima wang daripada Presiden UMNO. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir membuat rujukan individu tersebut.

Dalam contoh 3, Tun Dr. Mahathir menyebut nama *Nazir Razak* sebagai penanda rujukan individu. Nama *Nazir Razak* merujuk kepada adik kandung Dato Seri Mohamad Najib. Contoh 2 dan contoh 3 menunjukkan Tun Dr. Mahathir membuat pernyataan berkenaan agihan duit yang dipercayai daripada dana 1MDB berdasarkan rujukan dua individu tersebut. Lakuan rujukan khusus individu ini dapat mengelak daripada melakukan pernyataan atau tuduhan palsu.

### Lakuan Rujukan Khusus Akhbar

Lakuan rujukan khusus akhbar bermaksud maklumat-maklumat yang dipetik daripada akhbar dan nama akhbar tersebut dinyatakan dengan jelas. Sumber maklumat yang dipetik merupakan akhbar dalam dan luar negara. Analisis mendapati bahawa lakuan rujukan khusus akhbar hanya mencatatkan kekerapan sebanyak 10 kali atau 7%. Ujaran-ujaran berikut merupakan contoh lakuan rujukan khusus akhbar oleh Tun Dr. Mahathir.

1. **The Edge dalam rencananya** menyebut bahawa kos pinjaman berbilion Ringgit luar biasa tingginya. (A2:P8)
2. **The Edge terbitkan** bahawa ia telah membeli loji-loji jana kuasa dengan harta atas paras harga pasaran dan meminjam wang... (A10:P6:U2)

3. Kemudian **Wall Street Journal** melaporkan bahawa Dato Sri Najib mempunyai USD700 juta di dalam akaunnya di Arab Bank (A10:P21:U)
4. Kemudian tiba-tiba **Wall Street Journal** melaporkan bahawa Najib mempunyai USD700 juta dalam akaun peribadinya.. (A15:P19:U1)
5. **Bursa Saham London News Service** melaporkan bahawa International Petroleum Pelaburan Syarikat (IPIC), Aabar (A8:P11:U1)

Penanda linguistik bagi 5 contoh di atas ialah *The Edge dalam rencananya menyebut, The Edge terbitkan bahawa, Wall Street Journal melaporkan, Wall Street Journal melaporkan, dan Bursa Saham London News Service*. Akhbar-akhbar ini memberi perhatian terhadap isu pengurusan 1MDB. Maklumat yang disampaikan oleh akhbar tersebut berkaitan secara langsung dengan pengurusan 1MDB, dan pihak-pihak yang berurusan dengan 1MDB. Contoh 1 dan contoh 2 menunjukkan maklumat berkenaan perbelanjaan dana 1MDB. Contoh 3 dan 4 pula berkaitan dengan dana USD 700 juta yang dikaitkan dengan 1MDB. Oleh itu, pernyataan-pernyataan akhbar yang dipetik oleh Tun Dr. Mahathir mempunyai sandaran yang kukuh dan boleh dipertanggungjawabkan.

### Lakuan Rujukan Umum

Lakuan rujukan umum merujuk kepada penyampaian maklumat berdasarkan sumber-sumber yang dinyatakan secara umum. Walaupun lakuan ini tidak menyatakan secara jelas berkenaan dengan sumber maklumat yang diperoleh, lakuan tersebut masih boleh dipertanggungjawabkan. Namun demikian, darjah kekuatan lakuan rujukan umum lebih rendah berbanding dengan lakuan rujukan khusus. Analisis kajian menunjukkan bahawa lakuan rujukan umum berada di tangga ketiga dalam kategori rujukan, iaitu dengan jumlah sebanyak 75 kekerapan. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat empat bentuk lakuan rujukan umum yang diaplikasikan oleh Tun Dr. Mahathir, iaitu rujukan berita, rujukan dakwaan, kelaziman, dan rujukan awam. Jadual berikut ialah dapatan kajian terhadap empat bentuk lakuan rujukan umum.

**Jadual 4: Empat Bentuk Lakuan Rujukan Umum**

No	Bentuk Lakuan Rujukan Umum	Jumlah Kekerapan	Peratus
1	Berita	33	44.00%
2	Dakwaan	26	34.66%
3	Kelaziman	8	10.06%
4	Awam	8	10.06%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>75</b>	<b>100.00</b>

Berdasarkan Jadual 4 di atas, kajian ini mendapati lakuan rujukan umum berita mencapai kekerapan tertinggi, dengan jumlah sebanyak 33 atau bersamaan 44%. Hal ini menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir masih bersandarkan berita yang tersebar sebagai sumber rujukan. Tempat kedua tertinggi ialah lakuan rujukan umum dakwaan, dengan jumlah kekerapan sebanyak 26. Lakuan rujukan umum kelaziman dan awam masing-masing dengan kekerapan sebanyak 8 kali. Secara keseluruhannya, penggunaan rujukan umum turut dapat mengelak diri daripada dipertanggungjawabkan.

## Lakuan Rujukan Umum Berita

Lakuan rujukan umum berita ialah lakuan yang menunjukkan Tun Dr. Mahathir merujuk berita yang dilaporkan tanpa menyebut sumber sebenar maklumat tersebut. Lakuan ini mencatatkan kekerapan tertinggi dalam lakuan rujukan umum, iaitu dengan kekerapan sebanyak 33 kali (44%). Hal ini menunjukkan bahawa beliau masih bersandarkan berita yang beliau dengar. Ujaran-ujaran berikut ialah contoh penggunaan lakuan rujukan umum berita.

1. **Khabar angin** bertiup kencang bahawa Gabenor Bank Negara sedang disiasat kerana rasuah. (A11:P15:U1)
2. Tetapi baru-baru **ini saya terbaca rencana** yang bertajuk “Tabiat 1MDB membayar lebih untuk memperolehi (hutang) duit.” (A2:P3:U4)
3. **Melihat kepada laporan-laporan yang lain**, jelas terdapat syarikat-syarikat lain dengan nama yang sama, sekalipun dengan perbezaan ... (A32:P11:U1)
4. Dan konco-konconya pun dilapor **dalam akhbar** arus perdana bahawa tuduhan yang dibuat oleh media asing seperti... (A26:P1:U4)
5. **Akhbar dunia telah** melaporkan berkenaan Jho Low dan persahabatannya dengan Najib, cara hidupnya dan pembelian... (A22:P27:U1)

Lazimnya, lakuan rujukan umum akhbar ditandai oleh penanda linguistik seperti *Ini dilapur dalam akhbar, dikhabarkan akan, penerbitan oleh akhbar asing, khabar angin bertiup kencang, Tiba-tiba dilaporkan Najib mempunyai, dilapor dalam akhbar arus perdana, Melihat kepada laporan-laporan yang lain*, dan sebagainya. Ujaran dalam contoh 1 menunjukkan Tun Dr. Mahathir bersandarkan pada *khabar angin bertiup kencang* tentang Gabenor Bank Negara sedang disiasat. Beliau menggunakan kata-kata kiasan *khabar angin* dan diberikan lagi penegasan *bertiup kencang*. Hal ini menunjukkan bahawa berita tentang siasatan itu sedang menjadi pengetahuan sebahagian besar pihak. Ujaran dalam contoh 2 pula ditandai oleh *saya terbaca rencana yang bertajuk*. Contoh ini menunjukkan Tun Dr. Mahathir melakukan rujukan rencana dalam artikel, tetapi beliau tidak menyebut dengan jelas akhbar atau majalah apa yang melaporkan berita tersebut. Bentuk rujukan sama bagi ujaran dalam contoh 3 hingga contoh 5. Beliau memetik maklumat daripada akhbar tanpa menyebut secara tepat akhbar tersebut.

## Rujukan Umum Dakwaan

Lakuan rujukan umum dakwaan bermaksud Tun Dr. Mahathir memetik dakwaan seseorang atau institusi tertentu tanpa menyatakan dengan jelas sumbernya. Analisis mendapati lakuan rujukan umum dakwaan mencatatkan kekerapan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 26 (34%) kali. Hal ini menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir memetik dakwaan umum sebagai kriteria kedua dalam menyampaikan maklumat dalam penulisan. Ujaran berikut ialah contoh lakuan rujukan umum dakwaan.

1. **Seorang jurucakap Kerajaan menjelaskan** bahawa wang 1MDB diguna untuk Bumiputra. (A2:P15:U1)
2. Kini, **seorang Menteri Saudi menyangkal** adanya sebarang rekod yang menunjuk USD681 juta itu adalah suatu hadiah. (A28:P12:U2)
3. Kemudiannya **Petro Saudi dikatakan** telah membeli aset Petro Saudi International, yang tidak dimiliki oleh Petro Saudi. (A6:P2:U2)
4. Sekarang **SPRM dikatakan** masih menyiasat 2.6 bilion itu. Ia adalah suatu SPRM yang telah dilumpuhkan. (A13:P8:U3)

5. **Empat buah negara dakwa duit 1MDB** dicuri oleh Jho Low, A.G. Malaysia kata tiada apa-apa yang berlaku. (A40:P7:U5)

Berdasarkan contoh 1 dan contoh 2 di atas, lakukan rujukan umum dakwaan ditandai oleh *Seorang jurucakap Kerajaan menjelaskan* dan *seorang Menteri Saudi menyangkal*. Dalam contoh 1, Tun Dr. Mahathir tidak menyebut secara tepat siapa jurucakap tersebut. Begitu juga dengan contoh 2, Tun Dr. Mahathir hanya menggunakan perkataan *seorang menteri* tanpa menyebut nama sebenar. Kedua-dua contoh ini menggambarkan lakukan rujukan umum dakwaan kerana memetik dakwaan seseorang tanpa menyebut sumber asal dengan jelas.

Contoh 3 dan 4 mempunyai bentuk lakukan yang sama kerana ia ditandai oleh perkataan *dikatakan*. Ujaran dalam contoh 4 misalnya, perkataan *dikatakan* menunjukkan bahawa terdapat satu dakwaan oleh seseorang bahawa SPRM sedang menyiasat isu RM2.6 bilion. Ayat tersebut ialah ayat pasif dan ayat tersebut tidak ada pelaku. Hal ini dapat dilihat dengan mengaktifkan ayat dalam contoh 4 di atas tersebut. Ayat “Sekarang SPRM *dikatakan* masih menyiasat 2.6 bilion itu”, jika diaktifkan akan berubah menjadi “[Pelaku] *mengatakan bahawa sekarang SPRM masih menyiasat 2.6 bilion itu*. Ayat ini tidak ada pelaku, dan hal ini menunjukkan bahawa rujukan umum dakwaan telah dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir. Ujaran dalam contoh 5 pula, Tun Dr. Mahathir tersebut hanya menyebut empat negara sebagai sumber rujukan, tetapi beliau tidak menyebut nama-nama negara tersebut. Kajian ini merumuskan bahawa terdapat pelbagai bentuk lakukan rujukan umum dakwaan. Namun demikian, kredibiliti rujukan ini kurang berbanding dengan lakukan rujukan khusus.

### Lakukan Rujukan Umum Kelaziman

Lakukan rujukan umum kelaziman pula merupakan rujukan terhadap amalan yang telah menjadi kelaziman, kebiasaan atau budaya. Dalam konteks lakukan bahasa, kelaziman sesuatu amalan telah menjadi rujukan, perbandingan atau penanda aras dengan tindakan yang sedang dilakukan. Analisis mendapati lakukan rujukan umum kelaziman tidak banyak dilakukan berbanding lakukan rujukan umum berita dan dakwaan. Lakukan ini hanya dilakukan sebanyak 8 kali. Lakukan ini ditandai oleh perkataan-perkataan, seperti *biasanya* dan *pada kebiasaannya*. Senarai contoh berikut ialah ujaran lakukan rujukan umum kelaziman.

1. **Biasanya** bon Kerajaan membayar hanya 4.0%. (A2:P9:U4).
2. **Biasanya** hutang yang dijamin oleh Kerajaan dikenakan faedah 3%. (A4:P21:U1)
3. **Pada kebiasaannya** MAS (Monetary Authority of Singapore) melapur maklumat ini kepada Bank Negara. (A5:P7:U1)

Contoh 1 di atas, konteks ujaran berkaitan dengan kadar pinjaman yang dilakukan oleh 1MDB. Artikel 2 yang bertajuk 1MDB (terbitan 27 Oktober 2015) menghuraikan bahawa 1MDB membuat pinjaman RM5 billion dengan kadar 5.75%. Menurut Tun Dr. Mahathir, jumlah ini terlalu tinggi berbanding amalan biasa. Dengan perkataan lain, contoh 1 diujarkan kerana jumlah tersebut jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar yang diamalkan oleh kerajaan selama ini. Amalan kerajaan selama ini merupakan satu bentuk kelaziman. Oleh itu, lakukan dalam contoh 1 merupakan lakukan kelaziman. Ujaran dalam contoh 2 pula mempunyai bentuk yang sama dengan contoh 1. Lakukan tersebut memperlihatkan kelaziman tentang kadar jaminan kerajaan sebanyak 3% dan kelazimannya ditandai oleh perkataan *biasanya*. Selain itu, contoh 3 juga menunjukkan bahawa amalan melaporkan sesuatu kepada Bank Negara merupakan kelaziman dalam industri transaksi kewangan antara dua negara. Oleh itu, ujaran tersebut membuat rujukan kelaziman dengan ditandai oleh *pada kebiasaannya*.

## Rujukan Umum Awam

Lakuan rujukan umum awam bermaksud lakuan rujukan berdasarkan sumber pengetahuan awam. Lazimnya, ujaran ini ditandai oleh penanda linguistik seperti *semua tahu*, *semua orang tahu*, *kita tahu memangnya*, dan sebagainya. Analisis mendapati lakuan rujukan umum awam ini hanya dilakukan sebanyak 8 kali, iaitu sama dengan jumlah lakuan rujukan umum kelaziman. Dapatan menggambarkan bahawa Tun Dr. Mahathir turut mengambil kira sumber awam sebagai satu bentuk rujukan. Namun demikian, ia tidak menjadi keutamaan dalam penulisannya. Berikut ialah contoh rujukan umum awam.

1. **Semua tahu** UMNO sekarang tidak popular seperti UMNO dahulu. (A3:P3:U1)
2. **Kita tahu** memangnya Peguam Negara diberi kuasa untuk membuat keputusan sama ada sesuatu kes perlu dibawa ke ... (A16:P3:U1)
3. **Adalah menjadi pengetahuan umum** bahawa Peguam Negara menolak laporan ini tanpa penjelasan ... (A24:P6:U1)
4. **Kita semua tahu** bahawa siasatan dalam hal ehwal 1MDB dan USD 700 juta dalam akaun peribadi Dato' Sri Najib telah tergendala ... (A16:P12:U1)

Lakuan rujukan umum awam dalam contoh 1 di atas ditandai oleh frasa *semua tahu*. *Semua tahu* membawa maksud orang awam tahu kedudukan UMNO ketika ujaran tersebut. Contoh 2 pula menggunakan kata ganti diri *kita* sebagai rujukan awam. *Kita* dalam konteks ini ialah pembaca yang juga merupakan masyarakat awam. Tun Dr. Mahathir menggunakan rujukan *kita* untuk menunjukkan bahawa masyarakat awam tahu peranan sebenar Peguam Negara Malaysia. Contoh 3 pula menggunakan frasa *Adalah menjadi pengetahuan umum* bagi menunjukkan maklumat yang disampaikan berkenaan dengan tindakan peguam negara telah diketahui oleh umum. Bentuk lakuan bagi contoh 4 adalah sama dengan bentuk lakuan contoh 3. Ia berbeza dari segi penanda linguistik. Kajian ini merumuskan bahawa lakuan rujukan umum awam ini berperanan sebagai rujukan biasa. Dapatan juga memperlihatkan bahawa rujukan ini tidak menjadi keutamaan Tun Dr. Mahathir.

## Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa bentuk-bentuk rujukan amat penting dalam proses penyampaian maklumat, kritikan, hujahan dan sebagainya. Sumber rujukan menjadikan sesuatu ujaran dapat dipertanggungjawabkan dan sekali gus dapat mengelakkan diri daripada memfitnah dan difitnah. Berdasarkan kajian bahasa, aspek rujukan amat penting diberi perhatian oleh ahli-ahli bahasa. Dalam konteks kajian ini, analisis merumuskan bahawa Tun Dr. Mahathir menggunakan pelbagai bentuk sumber rujukan dalam penulisan dan kritikan terhadap isu pengurusan 1MDB. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir lebih cenderung menggunakan lakuan rujukan khusus dan sekali gus memperlihatkan sikap Tun Dr. Mahathir yang menekankan aspek sumber rujukan yang jelas. Kajian ini mencadangkan agar kajian lakuan sumber rujukan diperluas dalam pelbagai peristiwa bahasa bagi meningkatkan kualiti komunikasi, khususnya dalam penyampaian maklumat, membuat pernyataan dan sebagainya.

## Bibliografi

- Abd Ganing Laengkang. (2010). *Kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi*. (Disertasi Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).
- Abdulrahman Alkhirbash. (2010). *Persuasive language in selected speeches of Tun Dr. Mahathir Mohammad* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putera Malaysia).
- Austin, J.L. (1962). *How to do things with word*. oxford. Oxford University Press.
- Brown, P., dan Levinson, S. (1987). *Politeness: some universal in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus kesusasteraan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eugene Botha. (2007). Speech Act Theory And Biblical Interpretation. *Neotestamenica* 41 (2), 274-294.
- Gabriel Piterberg. (1993). *Speech acts and written texts: a reading of a seventeenth-century ottoman historiographic episode*. *Poetics Today*. 14 (2), 387-418.
- Grice, H.P. (1975). Logic and conversation. In Cole. P., & Morgan, J.(Ed.), *Syntax and semantic: speech act* (pp 41-58). New York: Academic Press.
- Jacqueline Visconti. (2009). Speech acts in legal language: introduction. *Journal of Pragmatics* 41, 393-400.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lorenzo Fiorito. (2006). On performative in legal discourse. *Metalogicon*. 2, 101 -112.
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Maslida Yusof (Eds). (2012). *Kesantunan bahasa: prinsip dan aplikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marriane Constable. (2011). Law as claim to justice: legal history and legal speech act. *Uc Irvine Law Review*. 1 (3), 631-640.
- Mustafa Hj Daud. (1995). *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid. (2005). Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriati A. Rashid. (2006). Perkembangan pengkajian kesantunan: satu tinjauan. *Jurnal Bahasa* 6 (4) 657-678.
- Pratt Mary Louise. (1975). Toward a speech act theory of literary discourse. (Doctoral dissertation, Stanford University).
- Sanat Md Nasir. (2000). *Tatabahasa wacana bahasa Melayu*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28 Oktober 2000.
- Schaefer, E. J. (1982). *An analysis of the discourse and syntax of oral complaints in English*. (Unpublished Master Thesis, University of California).
- Searle, J. R. (1979). *Expression and meaning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Searle, J.R. (1969). *Speech acts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Takashi. Manabe. (1984). *Speech act theory based interpretation for written text*. (Doctoral dissertation, University of Texas).

### Lampiran 1: Senarai Artikel Yang dianalisis

(Artikel 1 – 20 diakses pada 28/4/2018, manakala artikel 21-40 diakses pada 29/4/2018)

No Siri	Tajuk Artikel	URL	Tarikh Terbit
A1	SSK Dengan 1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=1457">http://chedet.cc/?p=1457</a>	10 Sept 2014
A2	1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=1508">http://chedet.cc/?p=1508</a>	27 Okt 2014
A3	Selamat Bersidang UMNO	<a href="http://chedet.cc/?p=1529">http://chedet.cc/?p=1529</a>	25 Nov 2014
A4	1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=1613">http://chedet.cc/?p=1613</a>	13 Mac 2015
A5	Najib dan Pembohongan	<a href="http://chedet.cc/?p=1723">http://chedet.cc/?p=1723</a>	24 Mei 2015
A6	More Investments By 1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=1754">http://chedet.cc/?p=1754</a>	15 Jun 2015
A7	The 1MDB Reply	<a href="http://chedet.cc/?p=1765">http://chedet.cc/?p=1765</a>	18 Jun 2015
A8	Just Justo	<a href="http://chedet.cc/?p=1778">http://chedet.cc/?p=1778</a>	29 Jun 2015
A9	Akaun Peribadi	<a href="http://chedet.cc/?p=1817">http://chedet.cc/?p=1817</a>	3 Ogos 2015
A10	Malaysia 1	<a href="http://chedet.cc/?p=1825">http://chedet.cc/?p=1825</a>	10 Ogos 2015
A11	Malaysia 2	<a href="http://chedet.cc/?p=1831">http://chedet.cc/?p=1831</a>	17 Ogos 2015
A12	Undang-Undang Tunggang Terbalik	<a href="http://chedet.cc/?p=1835">http://chedet.cc/?p=1835</a>	20 Ogos 2015
A13	Derma 2.6 Bilion?	<a href="http://chedet.cc/?p=1843">http://chedet.cc/?p=1843</a>	26 Ogos 2015
A14	Al-Jazeera	<a href="http://chedet.cc/?p=1867">http://chedet.cc/?p=1867</a>	14 Sep 2015
A15	Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=1872">http://chedet.cc/?p=1872</a>	25 Sep 2015
A16	1MDB Dibersihkan	<a href="http://chedet.cc/?p=1885">http://chedet.cc/?p=1885</a>	9 Okt 2015
A17	Sabotaj	<a href="http://chedet.cc/?p=1904">http://chedet.cc/?p=1904</a>	2 Nov 2015
A18	Temu duga Polis	<a href="http://chedet.cc/?p=1913">http://chedet.cc/?p=1913</a>	13 Nov 2015
A19	Menghadapi Cabaran	<a href="http://chedet.cc/?p=1919">http://chedet.cc/?p=1919</a>	23 Nov 2015
A20	1MDB Keluar Dari Perniagaan Power	<a href="http://chedet.cc/?p=1924">http://chedet.cc/?p=1924</a>	28 Nov 2015
A21	Surat Kepada Ahli Dan Pemimpin UMNO Akar Umbi	<a href="http://chedet.cc/?p=1927">http://chedet.cc/?p=1927</a>	30 Nov 2015
A22	Taklimat Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=1936">http://chedet.cc/?p=1936</a>	9 Dis 2015
A23	Ke Mana Arahnya?	<a href="http://chedet.cc/?p=1975">http://chedet.cc/?p=1975</a>	27 Jan 2016
A24	Peguam Negara Kepada Peguam Negara	<a href="http://chedet.cc/?p=1980">http://chedet.cc/?p=1980</a>	Feb 2016
A25	Surat Kepada Ahli-Ahli Cawangan UMNO	<a href="http://chedet.cc/?p=2015">http://chedet.cc/?p=2015</a>	18 Mac 2016
A25	Antara Bukti Dan Pengakuan	<a href="http://chedet.cc/?p=2035">http://chedet.cc/?p=2035</a>	4 Apr 2016
A27	1MDB Jawab	<a href="http://chedet.cc/?p=2065">http://chedet.cc/?p=2065</a>	12 Apr 2016
A28	Jejak Wang – Laluan “Wang Itu Raja”	<a href="http://chedet.cc/?p=2070">http://chedet.cc/?p=2070</a>	14 Apr 2016
A29	Penipuan Dalam 1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=2084">http://chedet.cc/?p=2084</a>	27 Apr 2016
A30	Saga 1MDB (Bahagian 1)	<a href="http://chedet.cc/?p=2096">http://chedet.cc/?p=2096</a>	4 Mei 2016
A31	Saga 1MDB (Bahagian II)	<a href="http://chedet.cc/?p=2098">http://chedet.cc/?p=2098</a>	5 Mei 2016
A32	Laporan Ketua Audit Negara	<a href="http://chedet.cc/?p=2193">http://chedet.cc/?p=2193</a>	20 Jul 2016
A33	Sekarang Rahsia telah Terbongkar	<a href="http://chedet.cc/?p=2197">http://chedet.cc/?p=2197</a>	26 Jul 2016
A34	Bila Lagi	<a href="http://chedet.cc/?p=2344">http://chedet.cc/?p=2344</a>	14 Nov 2016
A35	Kleptokrasi Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2351">http://chedet.cc/?p=2351</a>	22 Nov 2016
A36	Najib Pinjam Lagi	<a href="http://chedet.cc/?p=2368">http://chedet.cc/?p=2368</a>	19 Dis 2016
A37	Hutang 1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=2580">http://chedet.cc/?p=2580</a>	3 Ogos 2017
A38	DoJ dan Saya	<a href="http://chedet.cc/?p=2561">http://chedet.cc/?p=2561</a>	5 Jul 2017
A39	Berani Kata Afandi Bohong	<a href="http://chedet.cc/?p=2573">http://chedet.cc/?p=2573</a>	26 Jul 2017
A40	Kapal Layar Equanimity	<a href="http://chedet.cc/?p=2791">http://chedet.cc/?p=2791</a>	3 Mac 2018